

DOKUMEN KETERANGAN PRODUK: CREDIT PROTECTOR PLUS

(Sila baca Dokumen Keterangan Produk ini untuk ringkasan ciri-ciri dan manfaat-manfaat Credit Protector Plus. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am dalam dokumen polisi.)

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Credit Protector Plus menawarkan untuk kad kredit CIMB Bank Berhad ("pemilik polisi induk"). Ia adalah pelan pembaharuan tahunan insurans jangka hayat tanpa penyertaan yang menyediakan manfaat insurans kepada anda sebagai pemegang kad utama ("orang yang diinsuranskan") yang dilindungi dalam tempoh perlindungan. Tuntutan manfaat insurans akan dibayar kepada pemilik polisi induk untuk menjelaskan jumlah baki tertunggak kad kredit.

2. Apakah perlindungan-perlindungan/manfaat-manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

Kejadian	Manfaat-manfaat yang dibayar
<ul style="list-style-type: none"> • Kematian • Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) • Penyakit kritikal 	Jumlah yang diinsuranskan* tolak sebarang premium yang belum dibayar berdasarkan jumlah baki tertunggak pada tarikh kejadian berlaku.

* Jumlah yang diinsuranskan adalah berdasarkan jumlah baki tertunggak kad kredit orang yang diinsuranskan pada tarikh kejadian berlaku, tetapi tidak akan melebihi had kredit kad dan tertakluk kepada bayaran maksimum RM150,000 atas orang yang sama. Jika beberapa kejadian yang dilindungi berlaku, amaun yang dibayar akan berdasarkan jumlah yang diinsuranskan pada kejadian berlaku yang terawal.

Nota: Jumlah baki tertunggak bermaksud baki penyata terakhir, termasuk baki tertunggak untuk perkhidmatan kad kredit (contoh: Cash Lite, Pelan Pembayaran Ansuran, Pelan Pembayaran Flexi, penukaran baki dan/atau sebarang perkhidmatan yang akan diperkenalkan pada masa hadapan) kepada akaun kad kredit orang yang diinsuranskan yang bertransaksi sebelum kejadian yang dilindungi berlaku.

Perlindungan insurans akan bermula pada tarikh kad kredit CIMB Bank diaktifkan. Tempoh perlindungan adalah 1 bulan dan perlindungan insurans ini akan diperbaharui setiap bulan secara automatik, dinyatakan di dalam penyata kad kredit CIMB Bank sehingga orang yang diinsuranskan mencapai umur 65 tahun, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam dokumen polisi.

Penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi dalam pelan ini adalah seperti berikut:

- | | | |
|--|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk • Meningitis Bakteria • Tumor Otak Benign • Pembedahan Otak • Kanser • Kardiomiopati • Anemia Aplastik Kronik • Koma • Pembedahan Pintasan Arteri Koronari • Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih • Ensefalitis • Kegagalan Hati Tahap Akhir • Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir • AIDS dengan Gejala Penuh | <ul style="list-style-type: none"> • Hepatitis Viral Fulminan • Serangan Jantung • Pembedahan Injap Jantung • Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah • Kegagalan Buah Pinggang • Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari) • Hilang Keupayaan Bertutur • Trauma Kepala Major (Teruk) • Transplant Organ Utama/Sumsum Tulang • Penyakit Sistik Medular • Penyakit Neuron Motor • Sklerosis Multipel • Distrofi Otot | <ul style="list-style-type: none"> • Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan • Penyakit Parkinson • Hipertensi Arteri Pulmonari Primer • Penyakit Arteri Koronari Serius • Strok/Angin Ahmar • Pembedahan Aorta • Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk • Penyakit Terminal (Membawa Maut) • Kelecuran Tahap Ketiga |
|--|---|--|

Nota: Manfaat penyakit kritikal hanya akan dilindungi dan dibayar jika penyakit memenuhi definisi penyakit kritikal seperti dalam Polisi Induk Credit Protector Plus yang boleh didapati di www.sunlifemalaysia.com.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/kontrak yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Sun Life Malaysia Assurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang harus saya bayar?

Premium bulanan yang perlu anda bayar adalah RM0.60 setiap RM100 daripada jumlah baki tertunggak bulanan untuk kad kredit CIMB Bank, pada tarikh penyata kad kredit CIMB Bank. Premium adalah tidak tetap dan mungkin berubah dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 30 hari. Premium perlu dibayar oleh pemegang kad utama selagi terdapat baki di dalam penyata untuk kad kredit CIMB Bank anda.

Contoh:

Baki penyata kad kredit pada tarikh 21 Mac – (A)	: RM1,523
Baki tertunggak pada perkhidmatan kad kredit – (B)	: RM2,000
Jumlah baki tertunggak – (C) = (A) + (B)	: RM3,523
Premium Credit Protector Plus dicaj pada tarikh penyata kad kredit yang sama	: RM3,523 x (RM0.60 / RM100) = RM21.14

4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang harus saya bayar?

Jenis	Jumlah
Komisen	10% daripada premium dibayar yang membentuk sebahagian daripada premium.

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ketahui?

- **Kepentingan pendedahan** – anda hendaklah mendedahkan kesemua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur atau tarikh lahir dengan betul, jika tidak sijil insurans ini mungkin dibatalkan.
- **Tempoh semakan percuma** – anda boleh membatalkan sijil anda dalam masa 15 hari ia dihantar. Kami akan memulangkan jumlah penuh premium yang telah dibayar.
- **Tempoh tenggang** – anda akan diberikan tempoh tenggang selama 30 hari dari tarikh premium patut dibayar untuk membayar premium yang tertunggak, yang mana perlindungan insurans ini masih berkuatkuasa. Jika anda tidak membayar premium pada akhir tempoh tenggang, perlindungan insurans akan ditamatkan.
- **Had ke atas manfaat kematian, TPD dan penyakit kritikal** – Jumlah manfaat yang akan dibayar ke atas kematian, TPD atau penyakit kritikal orang yang diinsuranskan di bawah pelan ini adalah terhad kepada RM150,000.
- **Tempoh hidup** – tempoh hidup selama 30 hari dari tarikh orang yang diinsuranskan didiagnos penyakit kritikal. Tempoh hidup tidak terpakai bagi penyakit kritikal yang mana orang yang diinsuranskan telah menjalani prosedur pembedahan/perubatan seperti penyakit arteri koronari yang memerlukan pembedahan dan pemindahan organ utama.
- **Tempoh menunggu** – tempoh menunggu selama 30 hari dari tarikh permulaan sijil untuk semua penyakit kritikal kecuali Kanser, penyakit jantung koronari yang memerlukan pembedahan, Serangan Jantung dan Penyakit Arteri Koronari Serius, akan tertakluk kepada tempoh menunggu selama 60 hari.
- **Keadaan sedia ada** – bermaksud sebarang keadaan atau simptom yang diketahui oleh anda, dan termasuk (tetapi tidak terhad kepada) suatu keadaan atau simptom di mana:
 - orang yang diinsuranskan telah atau sedang menerima rawatan;
 - nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah dicadangkan atau disediakan;
 - simptom-simptom yang jelas dan ketara telah atau sedang kelihatan; atau
 - kewujudannya dapat dilihat dengan jelas oleh orang biasa di dalam keadaan tersebut.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada polisi dokumen untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah pelan ini?

Berikut adalah pengecualian-pengecualian utama yang mana manfaat tidak akan dibayar:

- a) **Pengecualian-pengecualian manfaat kematian**
 - Bunuh diri – jika kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan perlindungan insurans.
 - Keadaan sedia ada dalam 12 bulan dari tarikh permulaan sijil.
- b) **Pengecualian-pengecualian manfaat TPD**

• Perjalanan melalui udara selain dari penerbangan komersil	• Percubaan mencederakan diri sendiri
• Melanggar undang-undang	• Mogok, rusuhan, rusuhan awam
• Aktiviti merbahaya	• Keadaan sedia ada dalam 12 bulan dari tarikh permulaan sijil
• Penyalahgunaan dadah atau alkohol	
- c) **Pengecualian-pengecualian manfaat penyakit kritikal**

• Perjalanan udara selain dari penerbangan komersil	• Percubaan mencederakan diri sendiri
• Melanggar undang-undang	• Mogok, rusuhan, rusuhan awam
• Kongenital yang tidak normal	• Keadaan sedia ada dalam 12 bulan dari tarikh permulaan sijil
• Aktiviti merbahaya	
• Penyalahgunaan dadah atau alkohol	• Hamil atau bersalin

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada polisi dokumen untuk penjelasan lanjut mengenai pengecualian-pengecualian.

7. Bolehkah saya membatalkan perlindungan insurans saya?

Anda boleh membatalkan perlindungan insurans anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada pemilik polisi induk. Tiada amanah akan dipulangkan apabila perlindungan insurans dibatalkan dan perlindungan insurans untuk kad kredit CIMB Bank anda akan ditamatkan serta-merta. Sekiranya anda membuat keputusan untuk membatalkan kad kredit CIMB Bank anda, perlindungan insurans akan diberhentikan/ditamatkan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan alamat saya?

Sila maklumkan dengan segera pada Sun Life Malaysia atas sebarang perubahan alamat anda, untuk memastikan segala urusan surat-menyurat pada masa hadapan dapat diterima dalam masa yang sepatutnya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans hayat, sila rujuk kepada buku sertaan *insuranceinfo* untuk 'Insurans Hayat', yang terdapat di Sun Life Malaysia atau anda boleh mendapatkan salinan dari cawangan CIMB Bank. Untuk maklumat lanjut tentang prosedur tuntutan, sila melayari laman web Sun Life Malaysia di <https://www.sunlifemalaysia.com/client-care/make-a-claim>.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Sun Life Malaysia Assurance Berhad

Nombor Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)

Aras 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur

Atau, anda boleh menghubungi talian Khidmat Pelanggan Careline Sun Life Malaysia di **1300-88-5055**,

kemukakan pertanyaan secara online melalui **sunlifemalaysia.com**,

emel terus kepada kami di **wecare@sunlifemalaysia.com**,

atau faks kepada kami di **(603) 2698 7035**.

10. Jenis pelan lain yang serupa yang sedia ada.

Sila bertanya kepada wakil bank yang diberi kuasa atau hubungi talian Khidmat Pelanggan Careline kami untuk jenis pelan lain yang serupa yang sedia ada.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL BANK YANG DIBERI KUASA ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam dokumen keterangan produk ini adalah sah dari _____ . Pelan ini diunderait oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad < Nombor Pendaftaran: 199001005930 (197499-U) >, satu syarikat insurans yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.